

02/09/2000

Masalah dalaman gugat perkhidmatan awam

Azhar Abu Samah

SEKTOR perkhidmatan awam ialah tunjang keharmonian negara. Kepincangan yang dialami kelompok terbesar dalam sektor perkhidmatan ini, akan menjejaskan program pembangunan negara, sekali gus kepesatan pembangunan yang dicapai sebelum ini akan musnah.

Sama ada suka atau tidak, semua pihak perlu mengakui hanya sektor awam satu-satunya organisasi yang dapat menjaga keharmonian negara.

Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini sektor perkhidmatan awam yang sebelum ini dipandang tinggi, mula goyah apabila tahap profesionalismenya dipertikaikan gara-gara penyusupan unsur politik yang condong kepada perjuangan parti pembangkang.

Ini diakui Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, bahawa tahap profesionalisme perkhidmatan awam sedang diganggu-gugat usaha beberapa pihak, termasuk parti politik.

Akhir-akhir ini ada beberapa usaha, termasuk daripada parti politik yang cuba mempengaruhi pegawai kerajaan supaya tidak menyokong kerajaan dan bertindak 'anti-establishment'," katanya.

Menurutnya, perbuatan itu mempunyai kesan serius dan jika tidak diawasi serta dibendung akan menyebabkan perpecahan dalam perkhidmatan awam. Ini kerana sekiranya sentimen politik dibiarkan berleluasa dan meresap hingga mempengaruhi tugas dan profesionalisme kakitangan awam, imej dan kewibawaan perkhidmatan awam akan tercemar dan sukar dipulihkan.

Jika ditinjau daripada perspektif yang lebih luas, perpecahan dalam perkhidmatan awam boleh menjejaskan pelaksanaan dasar kerajaan dan perpaduan yang sudah lama diterapkan pada jiwa setiap rakyat.

Pelbagai contoh boleh dilihat di beberapa negara jiran yang negara mereka sering bergolak kerana fahaman politik yang kepelbagaian, sekali gus program pembangunan tidak dapat dijalankan dengan cekap, teratur dan berkesan kerana sentiasa mendapat tentangan dan bantahan daripada pelbagai parti yang mewakili kepentingan kelompok masing-masing.

Seperti kata Abdul Halim, setiap anggota perkhidmatan awam perlu mengambil iktibar dan berusaha memahami bahaya usaha-usaha membawa negara ke arah kehancuran dengan menggunakan perkhidmatan awam untuk kepentingan politik pihak tertentu.

Dalam mana-mana jabatan, ketua bertanggungjawab memastikan organisasi yang diuruskan berjalan lancar dan dapat menghidu dari awal sebarang unsur tidak sihat di persekitaran tempat kerja.

Mereka perlu sentiasa peka dan mendampingi kakitangan untuk menangkis sebarang ancaman kepada organisasi.

Pada masa yang sama, setiap anggota perkhidmatan awam hendaklah sentiasa memelihara sikap berkecuali dan berwibawa dalam setiap tindak-tanduk ketika melaksanakan tugas rasmi mereka.

Namun, berdasarkan keadaan semasa di jabatan kerajaan, masing-masing, sama ada ketua jabatan dan kakitangannya gagal memelihara sikap berkecuali kerana menunjukkan fahaman politik yang dianutinya, sekali gus menjadikan persekitaran di tempat kerja tegang, apatah lagi keadaan ini semakin meruncing apabila wujudnya perselisihan pandangan atau pendapat dalam melaksanakan tugas harian.

Kesannya, wujudlah 'pasukan' yang menjuarai fahaman politik yang dianuti, penindasan, tekanan dan gangguan psikologi sama ada datangnya daripada ketua jabatan atau kakitangan itu sendiri jika ia berjaya mendapatkan sokongan kelompok pekerja terbanyak.

Ini terserlah apabila perkembangan kebelakangan ini menunjukkan pejabat dipenuhi sentimen politik sehingga ke tahap membenci kerajaan, iaitu majikan yang membayar gaji mereka setiap bulan.

Persaingan politik dalam pilihan raya bukan pertama kali berlaku kerana negara sudah mengalaminya sejak 43 tahun merdeka, dan perbezaan yang sebenarnya wujud ketika ini hanya membabitkan kepentingan peribadi.

Bagaimanapun, tidak boleh dinafikan kegagalan kerajaan melalui ketua jabatan memenuhi tuntutan munasabah pekerja turut menjadi faktor penyumbang kepada aliran `antikerajaan' di pejabat kerana pekerja melihat hak mereka tidak dihormati.

Kesempatan ini sememangnya ditunggu pembangkang dan tusukan jarum halus mereka, termasuk soal lain akhirnya ditelan bulat-bulat mereka kononnya kerajaan tidak adil.

Soal penubuhan majlis bersama di antara ketua jabatan dan wakil kesatuan sekerja yang masih tertangguh, penganiayaan ketua jabatan, pilih kasih, mengambil tindakan tidak mengikut prosedur, kenaikan gaji dan pelbagai lagi soal emolumen dan anomali yang belum selesai, adalah antara perkara yang masih menghantui golongan pekerja.

Umpamanya, Cuepacs mendakwa hampir 70 peratus daripada jabatan dan agensi kerajaan di negara ini belum menubuhkan majlis bersama membabitkan ketua jabatan serta wakil kesatuan sekerja walaupun sudah diarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Berikutan itu, banyak masalah membabitkan kakitangan sektor awam tidak dapat diselesaikan, termasuk kes penganiayaan serta sikap ego sesetengah ketua jabatan yang enggan mengiktiraf hak kakitangan bawahannya," kata Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam.

Katanya, kegagalan menyelesaikan rundingan secara bersama menyebabkan segelintir kakitangan sektor awam memilih `menyalurkan' rasa tidak puas hati melalui parti pembangkang sehingga ke tahap bertindak menentang kerajaan.

Arahan JPA yang mahu setiap jabatan dan agensi kerajaan menubuhkan majlis bersama gagal dilaksanakan walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menunjukkan sikap terbuka untuk berunding dengan kesatuan sekerja.

"Perdana Menteri boleh bertemu Cuepacs antara lima kali hingga enam kali setahun tetapi pada peringkat bawah, sesetengah ketua jabatan langsung tidak mempunyai masa bertemu pemimpin kesatuan," katanya.

Siva berkata, kegagalan kakitangan sektor awam menyelesaikan masalah dengan majikan melalui majlis bersama menyebabkan segelintir daripada mereka bertindak di luar batasan.

Ketika ini, mengikut Cuepacs, 30 peratus kakitangan sektor awam menjadi penentang kerajaan hanya kerana tidak mendapat gambaran betul mengenai dasar dan projek yang dilaksanakan kerajaan.

Langkah kerajaan tidak mengambil tindakan ke atas kakitangannya yang dikesan menyokong pembangkang pada pilihan raya umum lalu memperlihatkan kerajaan masih memberi ruang kepada kakitangan sektor awam yang sudah tergelincir untuk memperbaiki diri mereka dan kembali ke landasan asal.

Pendekatan `mencegah lebih baik daripada mengubati' yang diamalkan kerajaan dalam menangani krisis kepercayaan di sektor awam, seharusnya dijalankan secara berterusan bagi memastikan kelemahan lama tidak berulang dan kesilapan pendekatan yang dibuat sebelum ini tidak sekali lagi memakan diri.

Walau apapun alasan kakitangan awam untuk cenderung kepada politik pembangkang, mereka perlu memahami fungsi sebenar, iaitu perkhidmatan awam bukanlah tempat untuk seseorang yang mementingkan kuasa dan wang tetapi mereka yang ingin berkhidmat kepada bangsa serta negara.

Paling penting mereka harus menanamkan prinsip kepuasan bekerja datang

daripada keupayaan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan kerajaan kerana ia turut menjadi tuntutan agama.  
(END)